



## Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
15 Mac 2016**

### **AGIHAN PENDAPATAN ASM 6.30 SEN SEUNIT**

**KUALA LUMPUR:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 6.30 sen seunit bagi Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Pengagihan pendapatan ini membabitkan peruntukan sebanyak RM1,026.75 juta, yang akan dimanfaatkan oleh 536,862 pemegang unit yang melanggar 16.298 bilion unit ASM.

Sehingga 11 Mac 2016, ASM telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM1.26 bilion. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM659.96 juta atau 52.23% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut.

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM423.66 juta atau 33.53%, dan selebihnya iaitu RM180.01 juta atau 14.24% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASM adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung ASM.

Bagi membolehkan para pemegang unit menikmati pulangan daripada pertumbuhan unit-unit amanah tabung ASM, pembayaran pengagihan pendapatan akan dilabur semula dalam bentuk unit secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 April 2016, tertakluk kepada unit ASM yang masih ada. Sekiranya unit ASM telah mencapai had maksimum tabung, pengagihan pendapatan akan dibayar melalui cek.

Semua urusniaga bagi ASM di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB akan ditangguhkan bermula 23 Mac 2016 sehingga 31 Mac 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASM di pejabat-pejabat ASNB atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 April 2016.

ASM adalah dana ekuiti pendapatan yang bermatlamat memberi peluang kepada para pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang bagi memperoleh pulangan yang kompetitif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Aminah Haji Mahadi**

**Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat**

**●Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)**